

# Mahathir nafi semua kawan PM boleh kaya

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Zainudin Isa

LANGKAWI, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak anggapan sesetengah pihak kononnya mereka yang rapat dengan Perdana Menteri boleh keuntungan lumayan dalam perniagaan.

Beliau menegaskan, dakwaan itu tidak benar kerana ramai usahawan Bumiputera yang berjaya sekarang adalah hasil usaha kerajaan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menurut Dr Mahathir, beliau berkawan dengan semua pihak, sama ada berjaya atau miskin.

"Bila kerajaan lancar DEB, ramai yang kritik kononnya hanya kawan Perdana Menteri dapat projek. Saya berkawan dengan semua orang termasuk 'kucing kurap'. Yang jadi maju saya berkawan, yang tiada duit pun saya berkawan.

"Tetapi ramai orang cuba guna mereka yang rapat dengan saya kononnya apabila jumpa saya, semua boleh dapat dan mustajab," katanya berucap merasmikan Kompleks Jetty Point di Jeti Kuah, di sini hari ini.

Perdana Menteri bagaimanapun berbangga kerana sudah ramai Bumiputera maju dan setanding dengan usahawan bukan Bumiputera yang lahir da-

ripada dasar kerajaan mengagihkan kekayaan sama rata antara kaum.

Menurutnya, DEB terbukti berjaya mewujudkan ramai usahawan Bumiputera yang menguntungkan rakyat kaya dan miskin.

"Adalah tidak benar kecaman sesetengah pihak kononnya DEB menguntungkan golongan tertentu saja, sebaliknya ia untuk semua rakyat Malaysia, khususnya Bumiputera.

"Kejayaan DEB melahirkan usahawan Bumiputera membantu kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan. Ramai Bumiputera yang kaya menghulurkan derma kerana terutang budi kepada rakyat, kerajaan dan DEB.

"Ini adalah bukti dasar itu menguntungkan mereka yang miskin dan kaya," katanya.

Di satu upacara lain, Dr Mahathir berkata, keadaan ekonomi negara sekarang lebih baik berbanding ketika Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Menteri Kewangan.

"Ketika Presiden Semangat 46 itu menjawat Menteri Kewangan negara terpaksa menanggung beban hutang yang banyak dan berterusan," katanya.

Menurutnya, Tengku

Razaleigh pernah berjanji untuk memberi hutang RM3 bilion kepada Selangor menjelang pemilihan pucuk pimpinan Umno.

"Hutang banyak...tak berhenti-henti. Malah ada berjanji untuk bagi hutang dekat pemilihan Umno kepada Selangor sebanyak tiga ribu juta dan lesen untuk adakan bank bagi Kerajaan Selangor," katanya kepada pemberita apabila diminta mengulas mengenai kenyataan Tengku Razaleigh mengenai kedudukan ekonomi negara yang didakwanya kukuh ketika beliau menjadi Menteri Kewangan.

Di upacara itu Perdana Menteri memecah tanah Hotel Koperasi Usaha Bersatu (KUB) dan Sekolah Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan, Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR).

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pasti mengapa Tengku Razaleigh berbuat demikian.

Beliau menafikan dakwaan kononnya kedudukan dan pertumbuhan ekonomi negara lebih kukuh ketika zaman Tengku Razaleigh.

Ditanya sama ada Tengku Razaleigh gagal melaksanakan tugasnya secara berkesan, Perdana Menteri berkata, jika dibuat

perbandingan sekarang keadaan jauh lebih baik.

"Keadaan sekarang jauh lebih baik berbanding masa dia menguruskan kewangan negara. Bukan saja hutang banyak, malah pertumbuhan (ekonomi) tidak begitu baik dan pengangguran tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkara itu bukan sengaja diada-adakannya, tetapi berdasarkan kepada fakta.

"Saya bukan kata, tetapi ini ada dalam laporan ekonomi. Boleh pastikan sama ada saya bohong atau dia (Razaleigh) bohong," katanya.

Mengenai penafian Tengku Razaleigh bahawa beliau tidak memburukkan Malaysia, Dr Mahathir berkata, kerajaan mengetahui apa yang diperkatakannya kepada media Australia.

Beliau juga kecewa kerana Tengku Razaleigh sanggup berbuat demikian sedangkan dunia memuji Malaysia.

Berhubung permintaan Tengku Razaleigh supaya kerajaan menyiarkan temubual dengan media Australia itu, Perdana Menteri berkata, rakaman itu boleh ditayangkan kepada Tengku Razaleigh jika beliau mahu menontonya.